

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS GRADUASI KE 6 KOLEJ PUSAT TEKNOLOGI DAN PENGURUSAN
LANJUTAN
Lokasi : SHAH ALAM, SELANGOR
Tarikh : 05-04-2002

Asssalammu'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh dan Salam Sejahtera,

Y.Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd.Noordin Pengerusi Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL)

Y.Bhg. Encik Mohd. Shukri bin Abdul Yajid Presiden PTPL,

Y.Bhg. Dato' Dr. Shamsudin Kassim, Ahli Lembaga Kolej Universiti Teknologi & Pengurusan Malaysia (KUTPM), Y.Bhg. Dato'-Dato/Datin-Datin, Tuan/Puan Hadirin yang saya hormati sekalian,

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahuwata'ala di atas segala nikmat dan limpah kurniaNya kepada kita semua, dan juga di atas keizinanNya menjayakan Majlis Graduasi Ke-6 Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) pada pagi ini, yang membolehkan kita sama-sama berhimpun untuk mengenali dan menghubungi silaturahim di antara kita.

2. Kepada Kumpulan Kolej PTPL yang telah menjemput saya ke majlis graduasi pada pagi ini, saya mengucapkan terima kasih dan rasa bangga saya kerana dapat turut serta untuk meraikan pencapaian-pencapaian pihak PTPL dalam berbagai usaha.

3. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan dan ibu bapa yang anak-anak mereka berjaya menamatkan pengajian di kolej PTPL yang berhimpun dalam majlis graduasi pada kali ini.

4. Saya percaya ibu bapa kepada para graduan pasti amat gembira di atas kejayaan yang ditempa oleh anak-anak mereka setelah sekian lama mencurahkan tenaga membesarkan dan mendidik anak masing-masing. Para graduan harus sedar hakikat bahawa pengorbanan dan dorongan para ibu bapa bukanlah satu jasa yang mudah dibalas. Kejayaan yang dicapai oleh saudara saudari pastilah menjadi satu hadiah yang sangat berharga kepada ibu bapa masing-masing. Kita perlu merasa bersyukur di atas nikmat kejayaan ini.

Hadirin sekalian,

5. Kejayaan Kumpulan Kolej PTPL menubuhkan institusi pendidikan tinggi bertaraf universiti, serta keupayaannya memulakan operasinya, adalah satu prestasi yang patut dibanggakan. Saya percaya, prestasi Kumpulan Kolej PTPL mengendalikan operasi serta kualiti pendidikan yang ditawarkan, merupakan satu pengiktirafan oleh pihak Kementerian. Saya juga turut berbangga mengetahui bahawa Kolej Universiti Teknologi & Pengurusan Malaysia (KUTPM) menjadi universiti swasta pertama di negara ini yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera. Keupayaan Kumpulan Kolej PTPL membuka cawangannya di seluruh negara dengan pelajar yang ramai, serta kejayaannya mendapat tawaran menubuhkan universiti, menjadi bukti bahawa kaum Bumiputera juga mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk bersaing bersama-sama kaum lain di negara ini sekiranya mereka diberi peluang. Syabas saya ucapkan.

6. Kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai peluang dan kemudahan untuk melihat kaum bumiputera dapat berdiri sama tinggi dengan kaum lain di negara ini, sama ada dalam bidang ekonomi mahu pun pendidikan. Hasrat ini tidak mungkin menjadi kenyataan jika kaum bumiputera sendiri tidak memanfaatkan peluang-peluang yang disediakan dan berusaha bersungguh-sungguh membuktikan keupayaan menghadapi cabaran apabila peluang ditawarkan. Saya berharap KUTPM akan membuktikan keunggulannya dalam bidang pendidikan tinggi dengan meningkatkan usaha menyediakan pendidikan berkualiti tinggi untuk menyumbang, bukan sahaja kepada sektor pendidikan, malah melengkapkan

usaha Kerajaan dalam pembangunan sumber tenaga manusia yang terlatih untuk keperluan pembangunan negara.

Para Hadirin sekalian,

7. Pendidik memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan generasi yang akan mengambil alih tugas dan peranan daripada generasi semasa. Matlamat dasar pendidikan bukan semata-mata bertujuan untuk membekalkan generasi baru dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk menyemai nilai-nilai hidup yang boleh menentukan jaya atau tidaknya masyarakat dan bangsa masa hadapan. Jika nilai-nilai yang disemai itu murni dan bermoral, maka akan terbentuklah masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai tersebut. Sebaliknya, jika nilai-nilai yang diterapkan tidak berlandaskan etika moral dan akhlak yang terpuji, masyarakat kita di masa hadapan akan mengalami keruntuhan dari segi moral. Hal ini kita maklum telah berlaku di negara-negara yang dikatakan maju. Masyarakat tersebut kini mula sedar tentang pentingnya nilai-nilai murni sejagat dan oleh kerana itu Islam kian berkembang ikutannya di negara-negara tersebut. Di Malaysia, usaha menerapkan nilai-nilai Islam telah lama diperkenalkan. Dasar ini akan terus dipertingkatkan untuk membentuk masyarakat yang mengamalkan etika moral yang tinggi dalam kehidupan. Kerajaan berharap dasar ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, yang menekankan nilai-nilai positif dan seimbang dalam apa juga tindakan.

8. Dalam aspek pendidikan, adalah menjadi hakikat bahawa ibu bapa bertanggungjawab untuk menyemai nilai-nilai hidup yang baik. Akan tetapi sistem pendidikan mampu menyediakan orang-orang yang lebih terlatih, bukan sahaja dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi juga dalam proses menyemai dan menerap nilai-nilai murni dan pembentukan akhlak mulia. Oleh kerana itu Kerajaan telah lama memperkenalkan konsep kepimpinan melalui tauladan. Penuntut memerlukan contoh atau role model untuk mereka ikuti. Justeru, sistem pendidikan mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menyediakan tenaga pendidik yang mampu membentuk generasi baru, yang bukan sahaja lebih berpengetahuan tetapi juga mempunyai peribadi yang unggul sebagai contoh ikutan masyarakat yang rata-rata memandang tinggi terhadap golongan terpelajar.

9. Pendidik bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu kepada murid dan penuntut. Pendidik bertanggungjawab untuk membentuk peribadi yang mulia yang memberi penekanan kepada soal nilai hidup yang mulia dan mencorakkan budaya yang berteraskan kecemerlangan. Dengan perkataan lain pendidik bertanggungjawab menentukan jaya atau tidaknya sesuatu bangsa, sesuatu negara, atau sesuatu tamadun. Justeru, amat penting sekali pendidik sendiri dilatih dalam bidang pembentukan nilai dan budaya kepada pelajar di bawah mereka. Tetapi bagaimanakah nilai dan budaya ini akan diketahui oleh pendidik? Untuk itu, pensyarah dalam kolej-kolej dan pusat pengajian perlulah dilengkapi dengan pengetahuan berkenaan peranan budaya dan nilai hidup dalam menentukan jaya atau tidaknya sesuatu bangsa.

10. Pengajar dan pensyarah perlu menyampaikan kepada penuntut nilai-nilai yang perlu diterapkan dan menjelaskan budaya yang hendak dibentuk. Dengan itu pendidik yang mendidik anak-anak kita akan berjaya menyemai nilai-nilai yang mulia di kalangan generasi akan datang dan membentuk budaya yang sesuai bagi menghadapi pelbagai cabaran alaf baru, agar bangsa kita terus utuh dan teguh. Saya berharap IPTS seperti PTPL akan menerima saranan ini sebagai satu cabaran.

11. Peranan yang perlu dimainkan oleh pendidik dalam pembentukan peribadi yang mulia dan budaya yang boleh membawa kejayaan tidak kurang pentingnya berbanding dengan penyampaian pelbagai ilmu kepada murid dan penuntut. Ini adalah kerana ilmu yang diperolehi boleh disalahgunakan. Orang yang berpengetahuan dan cerdik boleh menjadi penjenayah yang lebih cekap. Kesan perbuatan mereka tentu lebih buruk kerana mereka berilmu.

12. Demikian juga jika mereka memegang jawatan yang tinggi kerana kelulusan yang tinggi. Tanpa dikawal oleh nilai-nilai murni, mereka mungkin akan menyalahgunakan kuasa mereka seperti terlibat dengan rasuah dan penyelewengan. Sebaliknya, mengawal nafsu dan diri lebih mudah dilakukan seseorang yang memiliki nilai hidup yang baik. Pegawai akan dapat memperingati diri akan keburukan

jenayah yang hendak dilakukan, dan lebih penting lagi akan balasan dosa yang akan diterima, serta perasaan malu dan tidak senang hati apabila terlibat dengan jenayah.

13. Sama ada sesebuah negara dipenuhi dengan rakyat yang berilmu bergantung kepada pendidik di berbagai- bagai peringkat pusat pengajian. Pendapat bahawa penerapan ilmu cuma relevan di peringkat kanak-kanak atau semasa muda adalah sesuatu yang tidak tepat lagi.

Pendapat ini memberi kepada kepercayaan bahawa apabila dewasa kita berhenti belajar kerana kita perlu bekerja untuk menyara hidup. Hari ini proses mempelajari dan menguasai ilmu tidak terhad kepada masa kecil atau semasa muda. Pembelajaran ilmu adalah proses berterusan yang tidak boleh dihentikan. Menyedari hakikat ini, kerajaan kini menjadikan satu dasar bahawa pembelajaran sepanjang hayat adalah suatu prinsip yang perlu dipegang oleh setiap individu dalam masyarakat. Untuk itu peluang-peluang pendidikan akan terus ditambah.

14. Dalam konteks usaha-usaha kerajaan memajukan sektor pendidikan, tawaran menubuhkan universiti kepada sektor swasta seperti KUTPM membuktikan komitmen Kerajaan terhadap bidang pendidikan. Ia juga selaras dengan agenda pendemokrasian pendidikan serta konsep pendidikan sepanjang hayat. Kerajaan berhasrat meningkatkan bilangan penyertaan pelajar di peringkat tertiar selaras dengan sasaran kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Untuk mencapai wawasan ini kita perlu kepada rakyat yang lebih produktif, yang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Negara memerlukan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing.

Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja diukur dari segi pembangunan fizikalnya tetapi juga dari segi peluang dan pencapaian pendidikan pada peringkat tertinggi.

15. Strategi pendidikan melalui penubuhan universiti, politeknik, maktab perguruan dan institusi latihan dan kemahiran untuk meningkatkan jumlah pelajar seramai 20,000 orang di setiap universiti awam misalnya telah berjaya mencapai matlamatnya. Walau bagaimana pun, kerajaan menyedari kemampuannya untuk menyediakan tempat kepada semua lepasan sekolah yang berkelayakan adalah terhad. Oleh itu, Kerajaan menggalakkan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), bukan sebagai pesaing kepada IPTA, tetapi sebaliknya membantu Kerajaan menyediakan lebih banyak tempat belajar, serta lebih banyak pilihan institusi bagi pendidikan tinggi. Dengan ini, ia bukan sahaja meningkatkan peluang rakyat tempatan melanjutkan pelajaran tetapi kita dapati sudah ramai kaum bumiputera sendiri turut menceburi bidang pendidikan dengan menubuhkan IPTS, seperti KUTPM dan Kolej PTPL ini.

16. Pada peringkat yang lebih tinggi pula, memandangkan bilangan lepasan sekolah yang memohon untuk memasuki institusi pengajian tinggi semakin bertambah, maka Kerajaan telah berusaha untuk memperbanyakkan peluang pendidikan tinggi, khususnya di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Sehingga tahun lalu, bilangan universiti awam di negara ini sudah bertambah menjadi 15 buah hanya dalam tempoh 45 tahun negara mencapai kemerdekaan. Mulai tahun ini pula, 2 lagi IPTA baru dijangka beroperasi apabila sesi pengajian 2002/2003 bermula pertengahan tahun ini.

Para hadirin sekalian,

17. Sejak sekian lama, kebanyakan pelajar dan ibu bapa, khususnya orang Melayu, menggantungkan harapan anak mereka melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sahaja. Ada yang merasakan seolah-olah jika pelajar tidak berjaya memasuki IPTA, maka gelaplah masa depan mereka. Tanggapan seperti ini perlu segera diubah jika kita ingin melihat anak bangsa kita terus maju. Kita harus menerima kenyataan bahawa bilangan tempat di IPTA sangat terhad dan keupayaan Kerajaan sendiri untuk membiayai operasi pendidikan pada peringkat tinggi juga terhad. Oleh itu, masyarakat juga perlu mengubah tanggapan dan pandangan mereka terhadap IPTS. Kita ingin masyarakat melihat IPTS bukan lagi sebagai alternatif selepas tidak berpeluang memasuki IPTA, sebaliknya IPTS merupakan satu lagi tempat untuk mendapatkan pendidikan peringkat tinggi yang setanding dengan IPTA. Saya difahamkan ketika ini sudah banyak kursus di IPTS yang mendapat perakuan akreditasi Lembaga Akreditasi Negara

(LAN) serta diperakui memenuhi standard minimum.

18. Saya percaya pada masa ini, universiti dan kolej swasta menawarkan pendidikan berkualiti dan setanding dengan IPTA. Tanggapan dan pandangan masyarakat ini akan berubah, sesuai dengan peredaran masa. IPTS hendaklah bersungguh-sungguh meningkatkan mutu pendidikan mereka termasuklah menyediakan kemudahan yang bermutu dan mencukupi, tenaga pengajar yang berkelayakan, serta pengurusan yang cekap dan berwibawa. Saya berharap usaha gigih ini akan dapat diteruskan sehingga IPTS seperti Kolej PTPL ini berjaya mencapai tahap kecemerlangan di mata dunia seperti yang dicita-citakan. Kerajaan akan terus menyokong perkembangan IPTS di negara ini kerana ia yakin IPTS adalah pelengkap kepada usaha kerajaan menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat tempatan, serta menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif seperti potongan cukai berganda kepada IPTS yang mengadakan promosi di luar negara, membenarkan IPTS membuat sendiri promosi pendidikan di luar negara, menyediakan tabung pinjaman IPTS berjumlah RM 200 juta yang dikendalikan oleh Bank Industri dan Teknologi untuk program komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan dan perubatan, serta memudahkan permohonan untuk mendapatkan visa belajar bagi pelajar antarabangsa belajar di IPTS.

19. Saya juga ingin menekankan akan keperluan IPT untuk menentukan graduan-graduan mereka memenuhi pasaran kerja dan kurikulum pendidikan yang memenuhi tuntutan keperluan industri. Saya percaya pemantauan yang berterusan daripada agensi kualiti seperti LAN akan memastikan sektor industri pendidikan swasta akan terus berkembang pesat dan menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara ke arah menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan serantau

20. Oleh kerana tumpuan kerajaan sekarang ialah ke arah pembentukan 'a knowledge-based' economy' atau k-ekonomi, kekayaan negara harus diasaskan kepada ilmu pengetahuan dan penggunaannya dengan cara berkesan. Di dalam k-ekonomi, para graduan perlu mempunyai kebolehan mengaplikasikan ilmu pengetahuan untuk menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Untuk itu kemahiran dalam penggunaan peralatan ICT adalah amat perlu. Saya berharap graduan generasi baru akan mampu menjadi arus yang membawa perubahan dalam cara-cara kita melaksanakan tugas di sektor-sektor yang diceburi supaya matlamat kerajaan untuk membentuk sistem pengurusan dan pentadbiran secara elektronik akan dapat dicapai dalam masa yang singkat, untuk meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam kemajuan ICT.

21. Kemajuan dalam bidang ICT membawa kepada ledakan maklumat yang menjadikan satu cabaran kepada setiap individu untuk memilih, menganalisis dan membuat keputusan dengan tepat. Sumber maklumat dan media untuk mencapai maklumat dan ilmu pengetahuan bertambah dengan pesat. Walau pun maklumat mudah dicapai, individu cuma akan berupaya melengkapkan ilmu pengetahuan dengan tersusun melalui institusi pengajian yang diiktiraf serta berwibawa. Tanpa institusi seperti KUTPM, ilmu pengetahuan tidak dapat di susun dan dipindahkan dengan sistematik. Saya berharap KUTPM dapat melengkapkan tenaga pengajar yang terlatih dan diiktiraf dan berpengalaman agar ia lebih mampu menggembelng sumber dengan cekap untuk menghasilkan graduan-graduan yang lebih cemerlang di masa hadapan.

22. Akhir sekali kepada semua graduan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi di atas kejayaan masing-masing. Ingatlah akan tanggung jawab masing-masing terhadap diri sendiri, keluarga dan negara. Saudara-saudari sebagai graduan di alaf baru ini diharap dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam memenuhi ekspektasi rakyat, masyarakat dan negara. Tidak penting dalam apa juga sektor yang anda akan libatkan diri, sebagai rakyat Malaysia kita mempunyai social obligation untuk sama-sama menyumbang untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, untuk menyumbang ke arah pencapaian visi negara seperti yang di gariskan dalam Wawasan Negara yang kita semua kenali. Kesanggupan generasi seperti saudara-saudari yang akan berusaha ke arah Wawasan 2020 bergantung kepada budaya yang dibentuk oleh pendidikan semasa.

Jika budaya ini sesuai untuk menangani cabaran dunia alaf baru, yang bukan sahaja memperlihatkan teknologi yang canggih, tetapi juga cabaran globalisasi serta pergolakan politik dalam dan luar negeri, dan jika budaya yang dibentuk hasil usaha pendidik sekarang berkemampuan menghadapi dengan

cabaran-cabaran baru ini, insya-Allah kita akan berjaya mencapai Wawasan 2020.

Sekian. Semoga usaha-usaha kita sekalian diberkati Allah. Terima kasih.

Wabillahi taufiq Walhidayah Wassalmmu'alaikum warahmatullahi wabaraakatuh